

PERSEPSI PELAJAR BAHASA ARAB BUKAN PENUTUR JATI TERHADAP PROSA ARAB DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

PERCEPTIONS OF NON-NATIVE ARABIC LANGUAGE LEARNERS TOWARDS ARABIC PROSE IN ARABIC LANGUAGE LEARNING

Aida Hayati Mohd Sanadi^{1*}

Zalika Adam²

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal³

¹ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: aida.hayati@usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. (E-mail: zalika@usim.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: nuruliman@ukm.edu.my)

*Corresponding author: aida.hayati@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Mohd Sanadi, A. H., Adam, Z. & Mohamad Anuar Kamal, N. I. (2026). Persepsi pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 630 – 639.

Abstrak: Kajian ini bertujuan menganalisis persepsi pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap prosa Arab sebagai medium pembelajaran Bahasa Arab sebelum mengikuti kursus-kursus sastera Arab di semester seterusnya. Prosa Arab merupakan satu daripada komponen penting dalam kesusasteraan Arab yang mengandungi pelbagai unsur bahasa, budaya dan pemikiran yang dapat menyokong proses pemerolehan bahasa. Walau bagaimanapun, pelajar bukan penutur jati sering berhadapan dengan cabaran dalam memahami teks prosa Arab disebabkan kepelbagaian gaya penulisan, struktur bahasa serta kandungan yang memerlukan pemahaman konteks yang mendalam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan instrumen soal selidik berskala Likert lima mata yang telah disemak oleh pakar dalam bidang pengajaran bahasa Arab bagi memastikan kesahihan kandungan. Seramai 103 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang akan mengambil kursus Tazawwuj Adabi terlibat sebagai responden. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mengenalpasti kecenderungan persepsi pelajar terhadap aspek kefahaman, minat, kesukaran dan sumbangan prosa Arab dalam penguasaan bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Prosa Arab didapati berpotensi membantu pelajar meningkatkan penguasaan kosa kata, kemahiran membaca, kefahaman teks serta pemahaman terhadap budaya dan pemikiran masyarakat Arab. Walaupun terdapat beberapa cabaran dari aspek kefahaman bahasa dan interpretasi kandungan, majoriti pelajar mengakui bahawa pendedahan kepada prosa Arab dapat memperkayakan pengalaman pembelajaran bahasa

serta meningkatkan apresiasi terhadap kesusasteraan Arab. Kajian ini mencadangkan agar prosa Arab dimanfaatkan secara lebih sistematik dan kontekstual dalam pengajaran bahasa Arab bagi meningkatkan keberkasan pembelajaran dalam kalangan pelajar bukan penutur jati.

Kata Kunci: *Persepsi Pelajar; Prosa Arab; Pembelajaran Bahasa Arab; Pelajar Bukan Penutur Jati*

Abstract: *This study aims to analyse the perceptions of non-native Arabic language learners towards Arabic prose as a medium for Arabic language learning prior to undertaking Arabic literature courses in subsequent semesters. Arabic prose is an important component of Arabic literature that encompasses various linguistic, cultural, and intellectual elements that can support the language acquisition process. However, non-native learners often encounter difficulties in understanding Arabic prose texts due to the diversity of writing styles, linguistic structures, and content that require a deep contextual understanding. This study employed a quantitative approach using a survey method with a five-point Likert scale questionnaire, which was reviewed by experts in the field of Arabic language teaching to ensure content validity. A total of 103 Bachelor of Arabic for Communication students (SMBAK) from the Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), who were enrolled to undertake the Tazawwuj Adabi course, participated as respondents. The data were analysed using descriptive statistics to identify students' perceptions in terms of comprehension, interest, difficulty, and the contribution of Arabic prose to Arabic language proficiency. The findings revealed that students generally held positive perceptions towards the use of Arabic prose in Arabic language learning. Arabic prose was found to have the potential to enhance students' vocabulary acquisition, reading skills, text comprehension, and understanding of Arab culture and thought. Although some challenges were identified in terms of language comprehension and content interpretation, the majority of students acknowledged that exposure to Arabic prose enriched their language learning experience and increased their appreciation of Arabic literature. The study recommends that Arabic prose be utilised in a more systematic and contextualised manner in Arabic language teaching to enhance learning effectiveness among non-native Arabic language learners.*

Keywords: *Student's Perceptions; Arabic Prose; Arabic Language Learning; Non-Native Arabic Language Learners*

Pengenalan

Penguasaan bahasa asing bukan sahaja melibatkan keupayaan memahami aspek tatabahasa dan kosa kata, malah turut merangkumi pemahaman terhadap budaya, pemikiran dan nilai masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing, pelajar perlu didedahkan kepada pelbagai bahan pembelajaran yang autentik bagi membolehkan mereka memahami penggunaan bahasa dalam konteks sebenar. Antara bahan autentik yang sering digunakan dalam pengajaran bahasa ialah karya sastera kerana kandungannya mencerminkan penggunaan bahasa yang kaya dengan unsur linguistik, budaya dan pemikiran masyarakat penuturnya (al-Haddad, 2026).

Kesusasteraan Arab merupakan khazanah intelektual yang berkembang seiring dengan perkembangan tamadun Arab dan Islam. Ia merangkumi pelbagai genre seperti puisi, cerpen, novel, drama dan maqamah yang memaparkan pengalaman, pandangan hidup serta identiti

masyarakat Arab dari pelbagai zaman. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, karya sastera bukan sekadar berfungsi sebagai bahan bacaan, bahkan menjadi medium yang dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan bahasa melalui pendedahan kepada penggunaan kosa kata, struktur ayat dan gaya bahasa yang pelbagai (Al-Tamimi, 2012). Di samping itu, karya sastera turut membuka ruang kepada pelajar untuk memahami aspek budaya dan nilai yang mendasari masyarakat Arab secara lebih mendalam.

Satu daripada genre sastera yang mempunyai potensi besar dalam pembelajaran bahasa Arab ialah prosa Arab. Berbeza dengan puisi yang sering terikat dengan unsur irama, metafora dan gaya bahasa yang padat, prosa Arab lazimnya disampaikan dalam bentuk yang lebih dekat dengan penggunaan bahasa harian dan penceritaan. Oleh itu, prosa Arab dilihat mampu menjadi medium yang sesuai untuk membantu pelajar mengembangkan kemahiran membaca, memperkayakan kosa kata serta meningkatkan kefahaman terhadap teks bahasa Arab (Sharma et al., 2022). Melalui pembacaan karya prosa, pelajar dapat melihat bagaimana bahasa digunakan dalam pelbagai situasi komunikasi dan konteks sosial yang berbeza.

Walaupun demikian, penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab masih berhadapan dengan beberapa cabaran, khususnya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Kepelbagaian gaya penulisan, penggunaan kosa kata yang kurang lazim serta unsur budaya yang terkandung dalam teks boleh menimbulkan kesukaran kepada pelajar untuk memahami kandungan bacaan secara menyeluruh (Zaini et al., 2021). Faktor-faktor ini berpotensi mempengaruhi persepsi pelajar terhadap prosa Arab sama ada sebagai bahan yang membantu pembelajaran bahasa ataupun sebaliknya. Persepsi yang positif penting kerana ia boleh mempengaruhi tahap penerimaan, minat dan kesediaan pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran berasaskan sastera.

Dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia, pendedahan kepada prosa Arab biasanya diberikan melalui kursus-kursus kesusasteraan Arab di institusi pengajian tinggi (Rosni et al., 2023a; 2023b). Bagi pelajar program Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK), kursus Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi) merupakan antara kursus yang memperkenalkan mereka kepada pelbagai karya sastera Arab termasuk teks prosa. Namun demikian, kajian yang meneliti persepsi pelajar terhadap prosa Arab sebagai medium pembelajaran bahasa Arab sebelum mereka mengikuti kursus tersebut masih terhad. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis persepsi pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan bagi menganalisis persepsi pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana sesuai untuk mengumpul data daripada sejumlah responden dan membolehkan penyelidik mengenal pasti pola serta kecenderungan persepsi secara sistematik. Kaedah tinjauan juga merupakan antara pendekatan yang sering digunakan dalam kajian pendidikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan sikap, pandangan dan pengalaman responden terhadap sesuatu fenomena (Creswell, 2014).

Sampel kajian terdiri daripada 103 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pemilihan responden dibuat menggunakan kaedah persampelan bertujuan memandangkan mereka mempunyai ciri-ciri yang selari dengan objektif kajian, iaitu bakal mengikuti kursus

Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi) yang melibatkan pendedahan kepada teks prosa Arab. Pemilihan responden sebelum mengikuti kursus tersebut membolehkan kajian ini menilai persepsi awal pelajar terhadap prosa Arab sebagai medium pembelajaran bahasa Arab.

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik yang dibangunkan melalui *platform Google Form* dan diedarkan secara dalam talian kepada responden. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian utama. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden yang meliputi jantina dan tempoh pembelajaran bahasa Arab. Bahagian B pula mengandungi sepuluh item yang mengukur persepsi pelajar terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Semua item dibina menggunakan skala Likert lima mata yang terdiri daripada 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Neutral, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju.

Bagi memastikan kesahan kandungan instrumen, soal selidik telah disemak oleh dua orang pakar yang mempunyai kepakaran dalam bidang sastera Arab dan pengajaran bahasa Arab. Beberapa penambahbaikan terhadap item soal selidik telah dilakukan berdasarkan cadangan yang dikemukakan sebelum instrumen diedarkan kepada responden. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif. Analisis ini melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item. Statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti kecenderungan persepsi pelajar terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab serta memberikan gambaran umum tentang tahap penerimaan mereka terhadap penggunaan bahan sastera tersebut sebagai medium pembelajaran.

Tinjauan Literatur

Prosa Arab (*al-nathr*) merupakan satu daripada genre utama dalam kesusasteraan Arab yang memainkan peranan penting dalam pembangunan kompetensi linguistik, penyebaran nilai budaya serta pembentukan apresiasi sastera (Osman et al., 2025). Dalam tradisi Arab, kesusasteraan atau *adab* bukan Sahaja merujuk kepada karya kreatif, malah turut mencerminkan aspek pendidikan, etika dan pembinaan intelektual masyarakat. Walaupun perkembangan awal kesusasteraan Arab lebih banyak dikaitkan dengan tradisi puisi, prosa Arab kemudiannya berkembang sebagai medium penting dalam penyampaian ilmu, penceritaan, sejarah dan pemikiran masyarakat Arab. Oleh itu, pendedahan kepada teks prosa dilihat berpotensi menyumbang kepada peningkatan literasi bahasa serta memperluas pemahaman pelajar terhadap konteks budaya dan sosial yang melatari penggunaan bahasa Arab (Jumratan & Zuhriyah, 2025).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penggunaan teks sastera dalam pembelajaran bahasa Arab memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar bukan penutur jati. Safian et al. (2022) mendapati bahawa penggunaan novel Arab membantu pelajar memperkayakan kosa kata, meningkatkan kefahaman terhadap gaya bahasa serta mengukuhkan kemahiran berbahasa secara keseluruhan. Dapatan ini selari dengan kajian Safian et al. (2025) yang menunjukkan bahawa teks sastera turut berperanan dalam memudahkan pembelajaran nahu Arab kerana pelajar dapat melihat aplikasi struktur bahasa dalam konteks yang autentik. Penggunaan teks sastera juga menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan bermakna berbanding penggunaan teks yang bersifat mekanikal atau berorientasikan latihan tatabahasa semata-mata.

Menurut Ryding (2014), pembelajaran bahasa Arab oleh bukan penutur jati sering dipengaruhi oleh kerumitan sistem linguistik bahasa tersebut, termasuk aspek morfologi, derivasi leksikal dan sintaksis yang kompleks. Kesukaran ini lebih terserlah dalam konteks pembacaan prosa Arab kerana teks prosa sering mengandungi struktur bahasa yang pelbagai, penggunaan

ungkapan figuratif serta gaya penyampaian yang menuntut keupayaan interpretasi yang lebih mendalam. Justeru, penguasaan aspek linguistik yang mantap menjadi prasyarat penting bagi membolehkan pelajar memahami dan menghayati kandungan prosa Arab secara berkesan.

Al-Dajani (2019) menegaskan bahawa kesusasteraan Arab merupakan sebahagian daripada jiwa bahasa Arab dan sewajarnya diintegrasikan dalam pengajaran bahasa kerana dapat membantu pelajar memahami aspek linguistik dan budaya secara serentak. Pandangan ini disokong oleh Bloemert et al. (2017) yang mendapati bahawa majoriti pelajar menganggap bahan sastera sebagai medium yang mampu meningkatkan kemahiran berbahasa walaupun persepsi mereka berbeza mengikut jenis teks dan pendekatan pengajaran yang digunakan. Dalam konteks yang sama, Carter dan Long (1991) serta Paran (2008) berpendapat bahawa teks sastera menyediakan ruang yang luas untuk penerokaan makna, penggunaan bahasa dan pemahaman budaya, sekaligus menyumbang kepada pembangunan kompetensi linguistik pelajar.

Dalam kalangan pelajar bahasa Arab bukan penutur jati, penggunaan teks prosa seperti novel turut didapati memberikan manfaat yang signifikan terhadap pembelajaran bahasa. Kajian oleh Safian et al. (2022) mendapati bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan novel Arab kerana bahan tersebut membantu meningkatkan penguasaan kosa kata, kefahaman terhadap gaya bahasa serta kemahiran berbahasa secara keseluruhan. Dapatan ini diperkukuhkan oleh Safian et al. (2025) yang menunjukkan bahawa teks sastera dapat membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan aspek tatabahasa Arab dalam konteks yang lebih bermakna berbanding penggunaan teks biasa. Selain itu, penguasaan tatabahasa yang baik didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran membaca bahasa Arab, sekaligus menunjukkan bahawa pemahaman terhadap teks prosa memerlukan asas linguistik yang kukuh (Noor et al., 2025).

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, dapat dirumuskan bahawa prosa Arab mempunyai potensi yang besar sebagai medium pembelajaran bahasa Arab kerana mampu menyumbang kepada pengembahangan kosa kata, peningkatan kemahiran membaca serta pemahaman budaya Arab. Namun demikian, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada manfaat dan cabaran penggunaan teks sastera atau novel Arab dalam pembelajaran bahasa. Kajian yang secara khusus meneliti persepsi pelajar bukan penutur jati terhadap prosa Arab sebelum mereka mengikuti kursus kesusasteraan Arab masih terhad. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis persepsi pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab (SMBAK) terhadap prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab sebelum mereka mengikuti kursus Penghayatan Sastera (Tazawwuq Adabi). Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang penerimaan pelajar terhadap penggunaan prosa Arab serta membantu pensyarah merancang pendekatan pengajaran yang lebih efektif dalam kursus-kursus sastera Arab pada masa hadapan.

Hasil Kajian

Hasil kajian ini dibahagikan kepada analisis demografi responden dan persepsi terhadap penggunaan prosa arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 1: Demografi Responden

Demografi	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	40	38.8
	Perempuan	63	61.2
Tempoh Pembelajaran Bahasa Arab	1-5 tahun	7	6.8
	6-10 tahun	54	52.4
	11 tahun ke atas	42	40.8
Jumlah		103	100.0

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari aspek jantina, majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan iaitu seramai 63 orang (61.2%) manakala pelajar lelaki berjumlah 40 orang (38.8%). Dapatan ini menunjukkan penyertaan pelajar perempuan dalam kajian adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Dari segi tempoh pembelajaran bahasa Arab, majoriti responden telah mempelajari bahasa Arab selama antara 6 hingga 10 tahun, iaitu seramai 54 orang (52.4%). Seterusnya, seramai 42 orang responden (40.8%) mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab selama 11 tahun ke atas, manakala hanya 7 orang responden (6.8%) mempunyai tempoh pembelajaran antara 1 hingga 5 tahun.

Secara keseluruhannya, profil responden menunjukkan bahawa kebanyakan peserta kajian mempunyai pengalaman pembelajaran bahasa Arab yang agak panjang, dengan lebih 90% responden telah mempelajari bahasa Arab selama enam tahun dan ke atas. Latar belakang ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pendedahan yang mencukupi terhadap bahasa Arab, sekali gus membolehkan mereka memberi persepsi yang lebih bermakna terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Persepsi pelajar terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab dibincangkan dalam bahagian berikut:

Jadual 2: Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Prosa Arab

No.	Persepsi Pelajar terhadap Penggunaan Prosa Arab	Min	SP
1	Saya dapat memahami prosa Arab dengan baik	3.74	0.77
2	Prosa Arab membantu saya memahami struktur ayat bahasa Arab dengan lebih baik	3.89	0.75
3	Prosa Arab membantu saya menghayati emosi dan situasi dalam teks	3.84	0.75
4	Saya lebih mudah mengingat kosa kata melalui pembacaan prosa Arab	3.75	0.79
5	Saya memahami gaya bahasa dalam prosa Arab dengan baik	3.67	0.78
6	Penggunaan prosa Arab dalam kelas membantu saya berfikir secara kritis	3.87	0.70
7	Prosa Arab memperluas pengetahuan saya tentang budaya dan sejarah Arab	4.04	0.63
8	Saya dapat mengenal pasti nilai moral dan budaya melalui teks prosa Arab	3.88	0.68
9	Aktiviti analisis teks prosa Arab membantu saya meningkatkan kemahiran membaca	4.00	0.66
10	Saya rasa prosa Arab sesuai digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab kontemporari	3.88	0.70

Jadual 2 menunjukkan persepsi pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan analisis statistik deskriptif, nilai min keseluruhan yang diperoleh ialah 3.86, menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan prosa Arab sebagai medium pembelajaran bahasa Arab .

Dapatan kajian menunjukkan bahawa item yang memperoleh nilai min tertinggi ialah “Prosa Arab memperluas pengetahuan saya tentang budaya dan sejarah Arab” dengan nilai min 4.04 (SP=0.63). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa pendedahan kepada teks prosa Arab dapat membantu mereka memahami aspek budaya dan sejarah masyarakat Arab dengan lebih mendalam. Selain itu, item “Aktiviti analisis teks prosa Arab membantu saya meningkatkan kemahiran membaca” turut mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.00 (SP=0.66), menunjukkan bahawa pelajar mengiktiraf peranan aktiviti berasaskan teks prosa dalam meningkatkan kecekapan membaca bahasa Arab.

Seterusnya, item “Prosa Arab membantu saya memahami struktur ayat bahasa Arab dengan lebih baik” memperoleh nilai min 3.89 (SP=0.75), diikuti item “Saya dapat mengenal pasti nilai moral dan budaya melalui teks prosa Arab” dan “Saya rasa prosa Arab sesuai digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab kontemporari” yang masing-masing mencatat nilai min 3.88 (SP=0.68) dan 3.88 (SP=0.70). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar melihat prosa Arab sebagai bahan yang relevan dan bermanfaat dalam menyokong penguasaan bahasa Arab.

Selain itu, item “Penggunaan prosa Arab dalam kelas membantu saya berfikir secara kritis” memperoleh nilai min 3.87 (SP=0.70), manakala item “Prosa Arab membantu saya menghayati emosi dan situasi dalam teks” mencatat nilai min 3.84 (SP=0.75). Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan prosa Arab bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan aspek linguistik, malah turut membantu pelajar memahami kandungan teks secara lebih mendalam melalui penghayatan terhadap watak, situasi dan mesej yang disampaikan.

Walau bagaimanapun, item yang memperoleh nilai min paling rendah ialah “Saya memahami gaya bahasa dalam prosa Arab dengan baik” dengan nilai min 3.67 (SP=0.78). Diikuti item “Saya dapat memahami prosa Arab dengan baik” dengan nilai min 3.74 (SP=0.77) dan “Saya lebih mudah mengingat kosa kata melalui pembacaan prosa Arab” dengan nilai min 3.75 (SP=0.79). Meskipun nilai min bagi item-item tersebut masih berada pada tahap yang positif, dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar masih berhadapan dengan cabaran dalam memahami gaya bahasa dan kandungan teks prosa Arab secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab. Prosa Arab dilihat berupaya memperluas pengetahuan pelajar tentang budaya dan sejarah Arab, meningkatkan kemahiran membaca, membantu pemahaman struktur bahasa serta menggalakkan pemikiran yang lebih kritis dalam proses pembelajaran.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar bahasa Arab bukan penutur jati terhadap penggunaan prosa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min keseluruhan 3.86. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pandangan yang positif terhadap penggunaan prosa Arab sebagai salah satu medium pembelajaran bahasa Arab. Hal ini sejajar dengan pandangan Al-Dajani (2019) yang menegaskan bahawa kesusasteraan Arab merupakan sebahagian daripada jiwa bahasa Arab dan berupaya membantu

pelajar memahami aspek linguistik serta budaya secara serentak. Dapatan ini juga menyokong pandangan Bloemert et al. (2017) yang mendapati bahawa pelajar secara umumnya mengakui peranan bahan sastera dalam meningkatkan kemahiran berbahasa walaupun persepsi mereka berbeza mengikut jenis teks dan pendekatan pengajaran yang digunakan.

Item yang memperoleh nilai min tertinggi ialah “Prosa Arab memperluas pengetahuan saya tentang budaya dan sejarah Arab” dengan nilai min 4.04. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar melihat prosa Arab bukan sekadar sebagai bahan pembelajaran bahasa, malah sebagai medium untuk memahami latar budaya dan sejarah masyarakat Arab. Perkara ini selari dengan pandangan Al-Tamimi (2012) yang menyatakan bahawa kesusasteraan Arab berperanan sebagai jambatan budaya yang membantu pelajar memahami nilai, kepercayaan, adat resam dan cara berfikir masyarakat Arab. Menurut beliau, penguasaan bahasa yang berkesan memerlukan pemahaman terhadap budaya kerana bahasa dan budaya merupakan dua unsur yang saling melengkapi dalam proses komunikasi.

Selain itu, item “Aktiviti analisis teks prosa Arab membantu saya meningkatkan kemahiran membaca” turut mencatat nilai min yang tinggi iaitu 4.00. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan prosa Arab berpotensi menyokong pembangunan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar. Keadaan ini bertepatan dengan kajian Noor et al. (2025) yang mendapati bahawa penguasaan aspek linguistik, khususnya tatabahasa Arab, mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemahiran membaca. Melalui pendedahan kepada teks prosa, pelajar berpeluang mengaplikasikan pengetahuan linguistik mereka dalam konteks yang lebih autentik dan bermakna.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar mengakui peranan prosa Arab dalam membantu mereka memahami struktur ayat bahasa Arab, mengenal pasti nilai moral dan budaya serta menggalakkan pemikiran kritis. Perkara ini menunjukkan bahawa penggunaan prosa Arab mampu menyumbang kepada pembangunan kemahiran bahasa yang lebih menyeluruh dan tidak terhad kepada penguasaan kosa kata semata-mata. Dapatan ini menyokong kajian Safian et al. (2025) yang mendapati bahawa teks sastera membantu pelajar memahami dan mengaplikasikan aspek tatabahasa Arab dalam konteks penggunaan bahasa yang sebenar. Pada masa yang sama, pendedahan kepada pelbagai situasi dan pengalaman yang digambarkan dalam teks prosa turut menggalakkan pelajar berfikir secara lebih analitis dan reflektif.

Walau bagaimanapun, item yang memperoleh nilai min paling rendah ialah “Saya memahami gaya bahasa dalam prosa Arab dengan baik” dengan nilai min 3.67. Meskipun nilai tersebut masih berada pada tahap yang positif, dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar masih menghadapi kesukaran untuk memahami gaya bahasa yang digunakan dalam teks prosa Arab. Dapatan ini selari dengan kajian Safian et al. (2025) yang mendapati bahawa pelajar bukan penutur jati sering berhadapan dengan cabaran memahami karya sastera Arab disebabkan oleh keluasan kosa kata, kepelbagaian gaya penulisan dan tahap bahasa yang lebih tinggi berbanding teks biasa. Osman et al. (2025) turut melaporkan bahawa pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing menghadapi cabaran linguistik dan budaya ketika berinteraksi dengan teks sastera Arab.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa prosa Arab mempunyai potensi yang besar untuk dimanfaatkan dalam pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar bukan penutur jati. Walaupun masih terdapat cabaran dari aspek kefahaman gaya bahasa dan kandungan teks, majoriti pelajar mengakui bahawa prosa Arab dapat membantu mereka

meningkatkan kemahiran membaca, memahami struktur bahasa serta memperluas pengetahuan tentang budaya dan sejarah Arab. Oleh itu, penggunaan prosa Arab dalam pengajaran bahasa Arab wajar diperkukuh melalui pendekatan pedagogi yang bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar agar manfaatnya dapat dimaksimumkan dalam proses pembelajaran.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan prosa Arab sebagai satu daripada medium pembelajaran bahasa Arab. Majoriti responden mengakui bahawa prosa Arab berupaya membantu mereka meningkatkan kemahiran membaca, memahami struktur bahasa Arab serta memperluas pengetahuan tentang budaya dan sejarah masyarakat Arab. Dapatan ini membuktikan bahawa prosa Arab bukan sahaja berfungsi sebagai bahan bacaan, malah berpotensi menjadi medium yang berkesan dalam menyokong pembangunan kompetensi linguistik dan kefahaman budaya dalam kalangan pelajar bukan penutur jati.

Walaupun demikian, kajian ini turut menunjukkan bahawa sebahagian pelajar masih menghadapi cabaran dalam memahami gaya bahasa dan kandungan teks prosa Arab. Oleh itu, penggunaan prosa Arab dalam pengajaran bahasa Arab perlu disokong oleh pendekatan pedagogi yang bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar. Pemilihan teks yang sesuai, aktiviti pembelajaran yang interaktif serta bimbingan yang berterusan daripada pensyarah dapat membantu meningkatkan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap teks prosa Arab.

Kajian ini terhad kepada pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), justeru dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar bahasa Arab bukan penutur jati. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih besar dan pelbagai institusi pendidikan, selain meneroka hubungan antara persepsi pelajar dengan tahap pencapaian bahasa Arab atau keberkesanan penggunaan prosa Arab dalam meningkatkan kemahiran bahasa tertentu. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh penggunaan bahan sastera Arab dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta memperkayakan penyelidikan dalam bidang pendidikan bahasa Arab.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak PTJ/Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang menaja geran penyelidikan, bertajuk: Persepsi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBAK) Tahun Dua di FPBU terhadap Evaluasi Teks Sastera Arab, Kod Penyelidikan: PPPI/PTJ/FPBU/USIM/15825.

Rujukan

- Al-Dajani, B. A. S. (2019). The function of Arabic literature in Arabic language teaching: A gateway to cultural literacy. *Dirasat: Human and Social Sciences*, 46(1), 281-293.
- Al-Tamimi, H. (2012). Teaching Arabic literature to foreign language learners as a medium to bridge cultural gap. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 5, 93-114.
- Bloemert, J., Paran, A., Jansen, E. & van de Grift, W. (2017). Student's perspective on the benefit of EFL literature education. *The Language Learning Journal*, 47(3), 371-384.
- Carter, R. & Long, M. N. (1991). *Teaching Literature*. Harlow: Longman.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Ed. ke-4. Thousand Oaks: Sage Publications.
- al-Haddad, A. A. K. (2026). Waqi' dirasat al-lughah al-'Arabiyyah wa adabiha fi daw' al-tahaddiyyat al-mu'asirah. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 35(2), 123-141.
- Jumratun, J. & Zuhriyah, N. (2025). Pengaruh literasi Arabic terhadap pencapaian indikator membaca bahasa Arab siswa kelas X di MA Darul Hikmah Soncolela Kota Bima. *Al-Af'idah: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab an Pengajarannya*, 9(2), 695-707.
- Noor, N. F. M., Ali, N. & Prihartini, A. A. (2025). Hubungan penguasaan tatabahasa Arab dengan kemahiran membaca bahasa Arab pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia *Malaysian Journal of Islamic Studies (MJIS)*, 9(1), 10-26.
- Osman, R. A. H., Fuad, F. R. H., Yaapar, M. S., Ali, A. H. & Amran, A. A. C. (2025). Challenges in learning Arabic poetry and prose among Malay students: A descriptive analytical study in Arabic as a foreign language. *International Journal of Modern Education (IJMOE)*, 7(28), 1033-1041.
- Paran, A. (2008). The role of literature in instructed foreign language learning and teaching: An evidence-based survey. *Language Teaching*, 41(4), 465-496.
- Ryding, K. C. (2014). *Teaching and Learning Arabic as A Foreign Language: A Guide For Teachers*. Washington: Georgetown University Press.
- Safian, N. L., Ashari, M. Z. A. H. & Mustapha, N. H. (2022). Persepsi dan strategi pelajar bukan Arab terhadap penggunaan novel dalam pembelajaran bahasa Arab. *Issues in Language Studies*, 11(1), 55-73.
- Safian, N. L., Zainol, N. F. M., Ashari, M. Z. A. H. & Al-Qudah, M. A. (2025). The use of novel in learning and teaching Arabic languages to non-native speakers: Problems and strategies. *Islamiyyat: The International Journal of Islamic Studies*, 47(1), 258-267.
- Samah, R., Isahak, A., Nathir, K. A. M., Majid, M. Y. A., Nawawi, M. A. A. M. & Ahmad, H. (2023a). Kepentingan bahan sastera dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(10), e002559.
- Samah, R., Isahak, A., Nathir, K. A. M., Majid, M. Y. A., Nawawi, M. A. A. M. & Ahmad, H. (2023b). Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam bidang sastera dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 64-67.
- Sharma, L. R., Bhattarai, R., Humagain, A., Subedi, S. & Acharya, H. (2022). Importance of incorporating literature in the language classroom. *Nepal Journal of Multidisciplinary Research*, 5(5), 59-74.
- Zaini, A. R., Hasan, Y. & Husaini, M. H. (2021). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan penuntut tahun akhir Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 606-614.